

31 DEC 2003

SOROTAN-HAL EHWAL LUAR NEGERI

2003 TAHUN PENUH BERMAKNA DALAM HUBUNGAN LUAR NEGERI MALAYSIA

Oleh: R Ravichandran

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Tahun 2003 pastinya bersejarah dan penuh bermakna bagi politik antarabangsa Malaysia kerana negara menjadi pentas mengumpul banyak pemimpin dunia pada Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Sidang Kemuncak ke-10 Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) semasa suasana geopolitik antarabangsa tidak ketentuan dan kritikal.

Sidang Kemuncak NAM dari 20-25 Feb menyaksikan penyertaan 114 anggota dan berlangsung ketika Amerika Syarikat bersedia untuk menyerang Iraq, sebuah daripada negara pengasas NAM yang didakwa memiliki senjata nuklear.

Sidang kemuncak OIC pula yang dihadiri 57 negara anggota, berlangsung dari 11-17 Okt selepas Iraq ditakluki AS dan sekutunya dan semasa konflik Israel-Palestin terus dihantui kebuntuan dalam mencari penyelesaian.

Para ketua negara dan ketua kerajaan yang menghadiri kedua-dua sidang kemuncak itu termasuk Fidel Castro (Cuba), Megawati Soekarnoputri (Indonesia) Atal Bihari Vajpayee (India), Thabo Mbeki (Afrika Selatan), Hamid Karzai (Afghanistan), Raja Abdullah (Jordan), Putera Abdullah Abdul Aziz (Arab Saudi) serta Abdelaziz Bouteflika (Algeria).

Negara anggota NAM and OIC meletakkan harapan besar kepada daya kepimpinan Malaysia sebagai pengerusi kedua-dua pertubuhan itu untuk melindungi kepentingan mereka sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga tahun mendatang.

Dalam pada fenomena globalisasi memberi pelbagai bentuk tekanan ke atas negara-negara membangun, dasar luar Malaysia pada tahun 2003 terus mengutamakan;

- \* kerjasama dua hala dan pelbagai hala;
- \* hubungan selatan-selatan;
- \* peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam menerajui keputusan penting hal ehwal antarabangsa;
- \* dasar hormat-menghormati antara negara dan tidak campur tangan dalam urusan negara lain.

Kuala Lumpur lebih lantang menyuarakan pendapatnya mengenai isu-isu kritikal dunia dan sebagai contoh, menentang penaklukan Iraq oleh AS dan sekutunya pada Mac 2003 sambil mendesak supaya masalah itu diselesaikan secara rundingan dengan mengutamakan peranan PBB.

Sidang kemuncak NAM yang berlangsung di ambang perang Iraq, menyaksikan Malaysia memandu negara-negara anggota sepakat supaya PBB mengambil alih sepenuhnya usaha menamatkan krisis itu demi kemanan dunia.

Malaysia berpendirian bahawa tindakan unilateral dalam dunia unipolar hari ini mengancam kepentingan NAM dan menghakis proses pelbagai hala, sebagai instrumen penting penyelesaian konflik.

Sidang kemuncak NAM itu turut dijadikan landasan bagi mencapai kata sepakat di kalangan negara-negara OIC yang menganggotai NAM untuk mengkaji kemungkinan mereka menggunakan minyak sebagai senjata menghalang Amerika Syarikat daripada menyerang Iraq.

Semasa merasmikan sidang kemuncak NAM, Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad mendesak dunia mengikis kepercayaan lapuk kononnya membunuh manusia boleh menyelesaikan masalah hubungan antara negara.

Beliau meminta NAM berjuang mengharamkan peperangan.

Pada perasmian sidang kemuncak OIC pula, Dr Mahathir mencetus kontroversi dan dikecam sebagai anti-Yahudi kerana menyatakan Yahudi

memerintah dunia dengan proksi sedangkan beliau bermaksud menggesa Israel and Palestin menghentikan keganasan dan tindakan pengebom berani mati.

Apa yang tersirat dalam ucapannya ialah meminta umat Islam berhenti sejenak dan berfikir mencari jalan menyelesaikan terhadap konflik Palestin.

Walaupun negara anggota OIC berbeza pendapat mengenai beberapa isu, sidang kemuncak di Putrajaya itu membawa hala tuju baru kepada OIC dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada kerjasama ekonomi.

Malaysia turut mencalonkan bekas wakil tetapnya ke PBB, Tan Sri Hasmy Agam untuk menjadi setiausaha agung OIC menggantikan penjawat sekarang Dr Abdelouahed Belkeziz yang akan tamat tempoh perkhidmatannya.

Kehadiran Presiden Rusia, Vladimir Putin sebagai tetamu sidang kemuncak OIC bukan sahaja menarik dalam sejarah OIC, bahkan merupakan pencapaian luar biasa tuan rumah memandangkan Rusia negara kuasa besar dan anggota tetap Majlis Keselamatan PBB yang banyak penduduk Islam.

Sebelum sidang kemuncak itu pun, Putin telah melawat Malaysia selama dua hari pada Ogos dan hasilnya, beberapa perjanjian kerjasama dalam bidang komunikasi, pertahanan serta sains dan teknologi, turut ditandatangani sempena lawatan bersejarah itu.

Lawatan Sultan Hassanah Bolkihah pada Ogos juga signifikan kepada hubungan Brunei-Malaysia kerana kedua-dua negara menyatakan mereka semakin hampir mencapai penyelesaian berhubung isu darat dan maritim.

Hubungan Malaysia-Singapura terus mendapat perhatian pada tahun 2003 dengan pengumuman Malaysia untuk terus membekalkan air ke republik itu asalkan kosnya berbaloi bagi Malaysia.

Hakikat bahawa Malaysia adalah pihak yang sebenarnya menanggung kerugian kerana Singapura membayar harga yang tidak berpatutan, mendorong Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menyiarkan iklan dan menerbitkan sebuah buku untuk menyangkal tuduhan-tuduhan Singapura mengenai isu air.

Pada 24 Julai, kedua-dua negara memulakan proses kehakiman untuk menyelesaikan isu Pulau Batu Puteh di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) selain membawa satu lagi pertikaian yang membayangi hubungan dua hala -- iaitu penambakan laut oleh Singapura di Selat Johor -- kepada Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang laut (ITLOS) di Hamburg pada 25 Sept.

Pada tahun 2003 juga berlaku insiden yang hampir merenggangkan hubungan diplomatik Malaysia-India ekoran kejadian polis mengkasari tenaga kerja profesional teknologi maklumat (IT) dari India pada 9 Mac.

New Delhi dilaporkan memberi kata dua untuk membatalkan semua lawatan dua hala, hak pendaratan tambahan kepada Penerbangan Malaysia (MAS), jika polis tidak bertindak terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Perbalahan diplomatik itu dapat diredakan apabila Malaysia meminta maaf di atas kejadian itu dan berjanji mengambil tindakan susulan sewajarnya.

Pada 1 Julai pula, Malaysia menubuhkan pusat antikeganasan ke arah memperkukuhkan lagi komitmen Kuala Lumpur dalam memerangi keganasan antarabangsa.

Sepanjang tahun 2003, Malaysia turut dikunjungi ketua negara, perdana menteri dan menteri bagi mengeratkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, antaranya termasuk Naib Perdana Menteri China Li Lanqing, Setiausaha Negara Britain bagi hal Ehuwal Luar dan Komanwel Jack Straw, Menteri Luar Ireland Brian Cowen, Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan, Presiden Perancis Jacques Chirac.

Lawatan Cowen dalam bulan Januari penting dalam merapatkan hubungan dengan Malaysia yang merupakan pasaran ketiga terbesar Ireland di luar Eropah, manakala lawatan Erdogan dalam bulan Jun, berhasil dengan pemeteraian perjanjian dalam bidang tenaga dan pengurusan air.

Semasa Chirac melakukan lawatan singkat pada bulan Julai, Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Keamanan Dunia sebagai tanda pengiktirafan Malaysia terhadap sumbangan presiden Perancis itu kepada keamanan dunia.

Pada akhir Julai, Langkawi menjadi tempat perundingan tahunan antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Thailand Thaksin Shinawatra untuk memperkukuh hubungan antara Kuala Lumpur dan Bangkok.

Perdana Menteri Timor Leste Mari Amude Alkatiri pula membuat kunjungan pada bulan Ogos untuk mendapatkan tambahan bantuan Malaysia bagi negara yang baru merdeka itu.

Lawatan itu disusuli kunjungan Presiden Megawati Soekarnoputri bagi mengeratkan kerjasama Indonesia-Malaysia dalam bidang perdagangan, pelaburan dan penyelesaian bagi masalah jerebu dan pendatang tanpa izin.

Presiden Thabo Mbeki melawat yang melawat Malaysia pada bulan September pula menandatangani memorandum persefahaman bagi penubuhan suruhanjaya bersama Afrika Selatan-Malaysia manakala lawatan Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe pada bulan yang sama, memperluas peluang bagi pelaburan Malaysia di negara yang sedang pulih daripada kesan perang saudara selama 20 tahun itu.

Menteri Luar Jepun Yoriko Kawaguchi yang melawat pada bulan November, membawa bersama-samanya komitmen Tokyo untuk meneruskan hubungan akrab dengan Kuala Lumpur selepas berlaku pertukaran kepimpinan di Malaysia.

-- BERNAMA

RV RYN LAT